

PERKESO lancar program bantu B40

BH - 12/11/2019 m/s: 2

Kuala Lumpur: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) semalam melancarkan inisiatif baharu, program Sinergi Sosial yang mewujudkan ekosistem dan jaringan keselamatan sosial terunggul, bersifat holistik dan menyeluruh kepada rakyat memerlukan.

Dengan pembabitan 17 rakan strategik terdiri daripada agensi kerajaan dan bukan kerajaan, program berkenaan dilihat formula terbaik mengatasi permasalahan ekonomi yang melanda rakyat Malaysia, khususnya golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

Antara rakan strategik itu, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK); Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC); GiatMARA; Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM); Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP); Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata objektif utama program Sinergi Sosial adalah meningkatkan pendapatan sara hidup dan mengurangkan kadar kemiskinan.



Dr Wan Azizah bersama penerima memorandum kerjasama program Sinergi Sosial pada majlis perasmian program itu dan pelancaran Sistem Mysynergy di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto BERNAMA)

“Menerusi sistem jaringan keselamatan sosial disediakan pelbagai Kementerian, jabatan dan agensi dalam negara, kerajaan akan memastikan tiada rakyat, khususnya kumpulan B40 tercicir daripada mendapat bantuan.

“Sebagai contoh, individu tidak layak menerima faedah PERKESO akan dirujuk ke jabatan atau agensi lain yang boleh memberi bantuan sekiranya memenuhi kriteria ditetapkan mengi-

kut keperluan sebenar demi kelangsungan hidup,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata demikian pada majlis perasmian program itu serentak pelancaran Sistem Mysynergy, penyimpan data keselamatan sosial terbesar di negara ini menggunakan teknologi *blockchain*, di sini.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran;

Timbalannya, Datuk Mahfuz Omar dan Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Dr Mohammed Azman Datuk Aziz Mohammed.

Sementara itu, Kulasegaran menjelaskan, matlamat program berkenaan juga bagi memastikan segala manfaat keselamatan sosial sampai kepada golongan sasaran; penjarum dan bukan penjarum, manakala integrasi antara agensi pula dapat mengelakkan pertindihan manfaat.